

29/09/1998

Pengikut Anwar wajib insaf

Ahli PPKM

SAYA, ahli Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM), cawangan Negeri Sembilan, ingin menyatakan bahawa saya menyokong tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap bekas timbalan perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Saya melihat apa menimpa Anwar Ibrahim adalah balasan akibat perbuatannya tahun 1993.

Dalam perkara berkaitan, saya turut menyokong penuh Berita Harian keluaran 21 September 1998 muka satu minda pengarang bertajuk Inikah pemimpin rakyat?

Pengikut Anwar wajib insaf dan prihatin bahawa keamanan, ketenteraman awam dan negara adalah penting daripada kepentingan individu.